

# AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (PILIHAN RAYA KAMPUS) 2024

### ----- SUSUNAN PERATURAN -----

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

3. Penetapan Pilihan Raya Kampus

#### BAHAGIAN III

#### JAWATANKUASA

4. Penubuhan Jawatankuasa
5. Kawasan Pilihan Raya Kampus
6. Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus

7. Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus
8. Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus
9. Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus

#### BAHAGIAN IV

#### PEMBERITAHUAN PILIHAN RAYA KAMPUS

10. Pengumuman tarikh Pilihan Raya Kampus
11. Penyiaran notis Pilihan Raya Kampus

#### BAHAGIAN V

#### PENAMAAN CALON

12. Jumlah ahli Majlis Perwakilan Pelajar
13. Kelayakan calon
14. Status pencalonan
15. Pendaftaran calon
16. Pencadang dan penyokong pencadangan calon
17. Pengesahan permohonan penamaan calon
18. Penyerahan dokumen penamaan calon
19. Pengumuman calon yang layak bertanding
20. Bantahan terhadap pencalonan
21. Rayuan terhadap keputusan bantahan pencalonan
22. Penarikan balik pencalonan
23. Pengumuman akhir calon yang layak bertanding
24. Calon menang tanpa bertanding

## BAHAGIAN VI

### KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

25. Kempen
26. Poster, kain rentang, *dsb.*

## BAHAGIAN VII

### PENGUNDIAN

27. Hari pengundian
28. Keistimewaan calon semasa hari pengundian
29. Ketua Pusat Pengundian dan pegawai Pusat Pengundian
30. Kebenaran masuk ke Pusat Pengundian
31. Larangan pada hari pengundian
32. Pengundian dan penjumlahan undi secara kertas undi
33. Pengundian dan penjumlahan undi secara e-undi
34. Pengundian dan penjumlahan undi secara *mobile* undi
35. Komputer pelayan dan komputer undi

## BAHAGIAN VIII

### PENJUMLAHAN UNDI

36. Pusat Penjumlahan Undi
37. Pengumuman keputusan penjumlahan undi
38. Bantahan dan rayuan keputusan Pilihan Raya Kampus

## BAHAGIAN IX

### PENGISYTIHARAN AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN PEMEGANG JAWATAN

39. Pengisytiharan
40. Pemegang jawatan Majlis Perwakilan Pelajar

## BAHAGIAN X

### AM

41. Keesahan perbuatan di dalam ketidakhadiran calon, *dsb.*
42. Pindaan peraturan
43. Pengawasan keselamatan
44. Tindakan Tatatertib
45. Keesahan perbuatan dan prosiding
46. Pembatalan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971  
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(PILIHAN RAYA KAMPUS) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 57(2) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [P.U.(A) 460/2010], Lembaga membuat Peraturan-Peraturan berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Sabah [Pilihan Raya Kampus] 2024** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 2024.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta30*];

“e-undi” ertinya sistem Pilihan Raya Kampus (PRK) yang dijalankan secara elektronik menggunakan komputer dan pelajar hadir ke tempat mengundi;

“Fakulti” termasuklah suatu Pusat, Akademi atau Institut di Universiti;

“Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 4(a);

“Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 4(b);

“Jawatankuasa Audit Pilihanraya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 4(c);

“Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 4(d);

“Kawasan Fakulti” ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang dihadkan kepada Pelajar Berdaftar di Fakulti berkenaan;

“Kawasan Umum” ertinya kawasan Pilihan Raya Kampus yang terbuka kepada keseluruhan Pelajar Berdaftar Universiti;

“Ketua Pusat Pengundian” ertinya Pelajar Universiti yang dilantik di bawah subperaturan 29(1);

“Komputer Pelayan” ertinya perkakasan dan perisian yang digunakan semasa pengundian yang mengandungi data-data berkaitan pengundian;

“Komputer Undi” ertinya perkakasan dan perisian yang mempunyai aplikasi sistem e-kertas undi yang digunakan oleh pengundi untuk mengundi semasa pengundian;

“MPP” ertinya Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah;

“*mobile* undi” ertinya sistem Pilihan Raya Kampus yang dijalankan secara elektronik menggunakan aplikasi dan pelajar tidak perlu hadir ke tempat mengundi;

“Pelajar Berdaftar” ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang Pelajar Luar;

“Pelajar Luar” ertinya seseorang Pelajar Berdaftar di Kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“Pemacu kilat USB” ertinya alat penstoran data mudah alih.

“Pencadang Calon” ertinya wakil yang dilantik oleh calon di bawah peraturan 16;

“Pengundi” ertinya pelajar berdaftar Universiti;

“Pengundian” ertinya proses pengundian yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus;

“Penjumlahan Undi” ertinya proses penjumlahan undi yang dilaksanakan oleh Ketua Pusat Pengundian;

“Peperiksaan” termasuklah apa-apa cara atau kaedah penilaian untuk memutuskan markah atau gred bagi sesuatu kursus tertentu atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Perlembagaan Universiti” ertinya Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [P.U.(A) 460/2010];

“PRK” ertinya Pilihan Raya Kampus

“Pusat Pengundian” ertinya suatu kawasan yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus untuk pengundian; dan

“Semester Perdana” ertinya semester utama sesi kemasukan bagi satu (1) tahun kalendar akademik.

## BAHAGIAN II

### PENETAPAN PILIHAN RAYA KAMPUS

#### **Penetapan Pilihan Raya Kampus**

3. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain berkaitan dengan PRK, Lembaga boleh: -

(a) mengadakan, menangguhkan atau membatalkan PRK atau mengadakan PRK semula selepas berunding dengan Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus;

(b) menentukan kawasan pemilihan; dan

(c) menetapkan bilangan wakil MPP di kawasan PRK.

(2) Pemilihan MPP hendaklah diadakan dalam tempoh 45 hari daripada tarikh semester pertama sesi akademik bermula.

(3) Lantikan MPP hendaklah berkuatkuasa selama satu (1) tahun kalendar akademik.

### BAHAGIAN III JAWATANKUASA

#### **Penubuhan jawatankuasa**

4. Bagi tujuan PRK, jawatankuasa berikut ditubuhkan:

- (a) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.
- (b) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus.
- (c) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus.
- (d) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

#### **Kawasan Pilihan Raya Kampus**

5. (1) Bagi tujuan PRK, Naib Canselor boleh menetapkan kawasan Umum dan kawasan Fakulti sebagai kawasan pemilihan.

(2) Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus boleh, dalam keadaan tertentu, menentukan pengendalian PRK di Kawasan Fakulti atau Kawasan Umum.

## **Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus**

6. (1) Ahli Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus yang baru hendaklah dilantik oleh Naib Canselor setelah melalui proses pemilihan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus semasa.

(2) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah terdiri daripada:

(a) Pengerusi yang dilantik sesama sendiri dalam kalangan ahli Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus yang baru dilantik; dan

(b) Pelajar yang dilantik di bawah subperaturan 6 (1).

(3) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi daripada kalangan pelajar di bawah perenggan 6 (2)(b).

(5) Seorang pelajar dilantik di bawah jawatankuasa Pilihan Raya Kampus tidak boleh menjadi ahli mana-mana jawatankuasa lain di bawah subperaturan 4 (b), (c) dan (d).

(6) Korum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus ialah satu pertiga (1/3) keahliannya.

(7) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—

(a) menentukan tarikh PRK;

(b) menetapkan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar bagi tujuan PRK;

- (c) menentukan proses pembuangan undi Universiti;
- (d) memperakukan daftar pengundi;
- (e) menentukan Pusat Pengundian;
- (f) membentuk dasar PRK;
- (g) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya sesuai untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini dan semua dasar PRK;
- (h) mencadangkan kepada Naib Canselor untuk menangguh atau membatalkan PRK, atas alasan yang munasabah;
- (i) membatalkan mana-mana calon yang didapati melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (j) menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa lain yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (k) merancang, mentadbir, menyelaras dan mengawal selia proses perjalanan PRK dan semua perkara yang berkaitan dengannya;
- (l) mengeluarkan apa-apa arahan mengenai perjalanan PRK dan mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya patut

bagi memastikan sesuatu PRK berjalan dengan lancar dan teratur termasuklah melucutkan keahlian jawatankuasa dengan persetujuan (2/3) ahli jawatankuasa;

- (m) Membentuk jawatankuasa kecil bagi memastikan kelancaran PRK.
- (n) Menugaskan kerja kepada pelajar lain Universiti, menentukan dokumentasi dan peralatan PRK yang berkaitan dengan pelaksanaan PRK; dan
- (o) Memutuskan sebarang perkara yang muncul berhubung tafsiran dan pelaksanaan peraturan ini.

### **Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus**

7. (1) Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan empat (4) orang pelajar Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Mana-mana anggota yang dilantik di bawah subperaturan (1) tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah subperaturan 4 (a), (c) dan (d).

(3) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan pelajar Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah subperaturan 4 (a), (c) dan (d).

(4) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—

- (a) mendengar dan membuat keputusan berhubung bantahan daripada mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan bantahan berhubung penjalanan PRK itu; dan
- (c) mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Pengundian menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan PRK kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

### **Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus**

8. (1) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah dilantik oleh Naib Canselor dari kalangan pelajar atau pekerja Universiti tidak lebih daripada lima (5) orang, selain daripada ahli jawatankuasa di bawah subperaturan 4 (a), (b) dan (d).

(2) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan pelajar Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah subperaturan 4 (a), (b) dan (d).

(3) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa yang berikut—

- (a) mengesahkan data pengundi;
- (b) mengesahkan data penjumlahan undi;
- (c) menghendaki mana-mana orang untuk mengesah dan memperakukan sistem pengundian;
- (d) membuat pemeriksaan sistem pengundian di Pusat Pengundian sekurang-kurangnya sekali sebelum pengundian bermula;
- (e) menentukan prosedur pengauditan; dan
- (f) mengenalpasti apa-apa kelemahan dalam perjalanan PRK dan mencadangkan langkah penambahbaikan kepada Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(4) Pengesahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus mengenai data pengundi dan data penjumlahan undi adalah muktamad.

### **Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus**

9. (1) Naib Canselor hendaklah melantik mana-mana pelajar berdaftar dan pekerja universiti sebagai Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

(2) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengerusi yang dilantik di bawah subperaturan 9 (1);
- (b) Empat (4) orang ahli yang disyor oleh pengerusi yang dilantik di bawah subperaturan 2 (a).

(3) Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan pelajar Universiti dengan syarat bahawa Setiausaha itu tidak boleh menjadi ahli atau setiausaha dalam mana-mana jawatankuasa lain di bawah subperaturan 4 (a), (b), dan (c).

(4) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa seperti berikut;

- (a) Mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan daripada mana-mana calon, pencadang calon, atau penyokong pencadangan calon atau pengundi mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (b) Memanggil mana-mana orang atau pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan dengan bantahan berhubung perjalanan Pilihan Raya Kampus itu; dan
- (c) Mengarahkan mana-mana Ketua Pusat Pengundian menyerahkan apa-apa dokumen berkaitan Pilihan Raya kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

(5) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus adalah muktamad.

#### BAHAGIAN IV PEMBERITAHUAN PIHAN RAYA KAMPUS

#### **Pengumuman tarikh Pilihan Raya Kampus**

**10.** Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah mengumumkan tarikh berkenaan PRK.

#### **Penyiaran notis Pilihan Raya Kampus**

**11.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menetapkan tarikh bagi menyiarkan suatu notis PRK yang mengandungi butiran berikut:

- (a) tarikh dan masa mengundi;
- (b) tarikh dan masa penamaan calon;
- (c) tempoh bantahan dan rayuan;
- (d) pembubaran MPP; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang berkaitan pemilihan.

(2) Notis PRK hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus atau wakilnya dan hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat atau secara atas talian.

(3) Pembubaran MPP berkuat kuasa bermula daripada tarikh notis PRK dikeluarkan.

(4) Penjawat jawatan dalam MPP akan terus memegang jawatan masing-masing sehingga perlantikan baru dibuat.

## BAHAGIAN V PENAMAAN CALON

### **Jumlah ahli Majlis Perwakilan Pelajar**

**12.** Bagi maksud PRK, Naib Canselor hendaklah menentukan jumlah ahli MPP mengikut cara yang berikut:

- (a) bagi Kawasan Fakulti, bilangan ahli MPP hendaklah sama dari setiap Fakulti; dan
- (b) bagi Kawasan Umum, bilangan ahli MPP hendaklah tidak lebih daripada setengah daripada bilangan ahli yang ditentukan di bawah subperaturan (a).

### **Kelayakan Calon**

**13.** (1) Bagi maksud PRK, mana-mana pelajar berdaftar yang tidak hilang kelayakan untuk dipilih di bawah Perlembagaan Universiti dan tatacara layak menjadi calon.

- (2) Pelajar hilang kelayakan menjadi calon sekiranya:

- (a) masih menunggu keputusan prosiding tata tertib pelajar (melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor);
- (b) telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib;
- (c) belum lagi masuk peperiksaannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajiannya;
- (d) yang telah gagal bagi kursus pengajian yang diikutinya sebelum sahaja sesuatu pemilihan dijalankan;
- (e) tidak masuk peperiksaan yang baru berlalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajiannya;
- (f) mendapat PNGK kurang daripada 2.75 atau bagi pelajar FPSK mendapat PNGK kurang daripada 3.25;
- (g) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atau Dekan fakulti, mana yang berkenaan, tidak mengesahkan borang penamaan calon di bawah peraturan 17 (1) dan (2).
- (h) *Dipotong.*
- (i) Pelajar yang mempunyai baki tempoh pengajian kurang daripada dua (2) semester berdasarkan tempoh pengajian yang diikutinya.

## **Status Pencalonan**

**14.** (1) Mana-mana calon yang bertanding di dalam PRK dibenarkan bertanding atas kapasiti individu atau mewakili mana-mana kumpulan pelajar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus. Kumpulan pelajar tersebut hendaklah tidak termasuk sebagai badan pelajar dalam seksyen 58 (1) Perlembagaan Universiti .

(2) Seseorang calon hanya boleh bertanding bagi satu kawasan PRK sahaja.

(3) Bagi Kawasan Fakulti, calon hendaklah seorang pelajar berdaftar Fakulti berkenaan.

(4) Bagi Kawasan Umum, calon hendaklah seorang pelajar prasiswazah yang berdaftar di Universiti.

(5) Seseorang calon tidak boleh menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada mana-mana calon yang lain.

(6) Seseorang calon tidak boleh menjadi ahli kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan 4 (a), (b), (c), dan (d).

## **Pendaftaran calon**

**15.** (1) Mana-mana pelajar berdaftar yang hendak bertanding untuk PRK boleh hadir dan mendapatkan borang untuk tujuan penamaan calon di lokasi yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(2) Bayaran yang munasabah boleh dikenakan untuk borang penamaan calon itu.

(3) Pelajar berdaftar yang ingin mendapatkan borang penamaan calon hendaklah mengemukakan kad pelajar yang sah.

(4) Pelajar berdaftar itu hendaklah melengkapkan borang penamaan calon dan memilih sama ada untuk menjadi calon Kawasan Fakulti atau Umum.

(5) Borang penamaan calon yang telah lengkap diisi hendaklah mendapat pengesahan pegawai Universiti yang diberi kuasa di bawah Peraturan 17.

(6) Apa-apa pindaan kepada borang penamaan calon hendaklah dibuat berdasarkan tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

### **Pencadang dan Penyokong Pencadangan Calon**

**16.** (1) Mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh menjadi pencadang dan penyokong pencadangan calon.

(2) Pencadang dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Fakulti hendaklah terdiri daripada pelajar berdaftar Fakulti berkenaan.

(3) Mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh menjadi

pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi Kawasan Umum.

(4) Pencadang atau penyokong pencadangan calon bagi mana-mana calon tidak boleh menjadi pencadang atau penyokong pencadangan calon lain.

### **Pengesahan permohonan penamaan calon**

**17.** (1) Bagi calon Kawasan Umum, borang penamaan calon hendaklah disahkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

(2) Bagi calon Kawasan Fakulti, borang penamaan calon hendaklah disahkan oleh Dekan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Dekan Fakulti berkenaan.

### **Penyerahan dokumen penamaan calon**

**18.** (1) Calon Kawasan Umum dan Fakulti bersama-sama pencadang dan penyokong pencadangan calon hendaklah hadir dan menyerahkan borang penamaan calon yang telah disahkan dan dokumen lain yang berkaitan pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(2) Sebelum seseorang calon menyerahkan borang penamaan calon di bawah subperaturan (1), calon itu hendaklah membayar wang cagaran dalam jumlah dan pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(4) Sesuatu borang penamaan calon yang diserahkan selepas tamat waktu penamaan calon tidak akan diterima.

(5) Borang penamaan calon hendaklah diserahkan bersama-sama gambar berukuran passport calon Kawasan Fakulti atau Umum mengikut bilangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(6) Borang penamaan calon yang tidak diisi dengan lengkap dan tidak disertakan dengan resit pembayaran wang cagaran adalah tidak sah dan boleh ditolak pencalonannya.

(7) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus boleh memanggil mana-mana calon, pencadang atau penyokong pencadangan calon untuk mendapatkan apa-apa maklumat lanjut berkaitan borang penamaan calon, jika perlu.

(8) Sekiranya mana-mana calon, pencadang atau penyokong pencadangan calon itu gagal hadir di hadapan Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus di bawah subperaturan (1) tanpa alasan yang munasabah, pencalonan itu hendaklah ditolak.

### **Pengumuman calon yang layak bertanding**

**19.** Selepas semua borang pencalonan yang disahkan diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus, senarai nama calon mengikut kawasan Pilihan Raya Kampus yang dipertandingkan hendaklah

dipaparkan di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat atau secara atas talian dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

### **Bantahan terhadap pencalonan**

**20.** (1) Mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh mengemukakan bantahan terhadap pencalonan seseorang calon secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam notis PRK di bawah Peraturan 11.

(2) Bantahan terhadap sesuatu pencalonan boleh dibuat berdasarkan alasan yang berikut:

- (a) seseorang calon itu tidak layak untuk dipilih menjadi ahli MPP;
- (b) seseorang calon mengemukakan maklumat palsu dalam borang penamaan calon; dan
- (c) borang penamaan calon tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(3) Setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan hendaklah dibayar kepada Bursar atau pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Bursar Universiti.

(4) Bantahan hendaklah dikemukakan dengan melampirkan resit pembayaran.

(5) Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah pada hari penamaan calon tersebut membuat keputusan mengenai keesahan setiap bantahan dan memberitahu calon dan pelajar yang mengemukakan bantahan itu mengenai keputusan dan alasan-alasan keputusannya.

(6) Jika sesuatu bantahan diputuskan sah oleh Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus, pencalonan calon yang berkenaan hendaklah ditolak dan wang yang dibayar di bawah subperaturan (3) akan dikembalikan.

### **Rayuan terhadap keputusan bantahan pencalonan**

**21.** (1) Mana-mana pelajar berdaftar yang telah membuat bantahan di bawah subperaturan 20(2) dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat di bawah subperaturan 20(5), boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan dengan membuat bayaran dalam jumlah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus kepada Bursar atau pekerja Universiti yang diberi kuasa oleh Bursar.

(2) Apa-apa rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan bukti pembayaran.

(3) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah

dengan seberapa segera yang munasabah pada hari penamaan calon membuat keputusan mengenai rayuan itu dan memberitahu pelajar berdaftar berkenaan dan perayu mengenai keputusan dan alasan-alasan keputusan itu.

(4) Wang yang dibayar di bawah subperaturan (1) hendaklah dikembalikan jika rayuan dibenarkan.

### **Penarikan balik pencalonan**

**22.** (1) Seseorang calon boleh menarik diri daripada PRK pada bila-bila masa dengan menyerahkan borang penarikan diri kepada Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus sebelum senarai muktamad calon yang layak bertanding di bawah Peraturan 23 diumumkan.

(2) Borang penarikan diri yang diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus selepas pengumuman akhir calon yang layak bertanding di bawah Peraturan 23 tidak akan diterima.

### **Pengumuman akhir calon yang layak bertanding**

**23.** Suatu senarai muktamad calon yang layak bertanding yang telah diperakukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah dipamerkan di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain Universiti yang mudah dilihat atau secara atas talian dan dalam tempoh yang telah ditetapkan selepas keputusan bantahan atau rayuan dibuat.

### **Calon menang tanpa bertanding**

**24.** (1) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi kawasan diperuntukkan bagi Kawasan Fakulti itu sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi Kawasan Fakulti itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.

(2) Sekiranya bilangan calon yang bertanding bagi Kawasan Umum sama dengan atau kurang daripada jumlah wakil yang diperuntukkan bagi Kawasan Umum itu, calon berkenaan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding.

(3) Dalam keadaan apabila berlakunya kekurangan satu calon atau tiada calon yang bertanding untuk suatu kerusi fakulti atau umum, Pilihan Raya Kecil boleh diadakan bagi Kawasan Fakulti atau Umum yang tiada calon atau mempunyai kekosongan.

## BAHAGIAN VI

### KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS

#### **Kempen**

**25.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah bertanggungjawab bagi menyelia dan memantau kempen pemilihan.

(2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan mana-mana pelajar berdaftar Universiti boleh berkempen mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan, tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta30*], Perlembagaan Universiti, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 serta tatacara dan Panduan PRK yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

## **Poster, kain rentang, dsb.**

**26.** Tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mencetak, mempamer atau mengedar apa-apa poster, kain rentang, atau menggunakan apa-apa bentuk sebaran elektronik atau sebaran lain bagi tujuan kempen tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

## BAHAGIAN VII PENGUNDIAN

### **Hari pengundian**

**27.** (1) Pengundian hendaklah dijalankan pada tarikh, masa dan di tempat seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dalam notis PRK.

(2) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus bolehlah mempamerkan suatu notis mengandungi panduan mengundi di kawasan Pusat Pengundian sebelum pengundian.

(3) Seorang pengundi hendaklah mengemukakan kad pelajar atau apa-apa bukti lain yang mengesahkan status pengundi itu sebagai pelajar berdaftar Universiti semasa proses pendaftaran sebelum dibenarkan mengundi.

(4) Jika berlaku apa-apa pertikaian semasa hari pengundian, Pengerusi JPRK hendaklah membuat keputusan mengenai pertikaian itu.

### **Keistimewaan calon semasa hari pengundian**

**28. (1)** Seseorang calon diberi keistimewaan seperti berikut:

(a) Calon boleh memasuki Pusat Pengundian untuk memerhatikan proses pengundian dijalankan dengan syarat calon—

(i) mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pusat Pengundian;

(ii) tidak dibenarkan memancing undi, atau cuba memancing undi, atau berbual dengan pengundi-pengundi; dan

(iii) tidak menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengundian yang sedang berjalan.

(b) Calon boleh memasuki Pusat Penjumlahan Undi untuk memerhatikan proses pengiraan undi dijalankan dengan syarat calon tidak menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengiraan sedang berjalan.

(2) Ketua Pusat Pengundian atau Ketua Pusat Penjumlahan undi mengikut mana yang berkenaan, boleh mengeluarkan calon daripada Pusat Pengundian atau Pusat Penjumlahan Undi jika calon tidak mematuhi subperaturan (1).

## **Ketua Pusat Pengundian dan Pegawai Pusat Pengundian**

**29.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah melantik seorang pelajar Universiti sebagai Ketua Pusat Pengundian yang hendaklah mengawalselia proses pengundian di Universiti.

(2) Ketua Pusat Pengundian tidak boleh menjadi ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuh di bawah peraturan 4.

(3) Menjumlahkan keseluruhan undi dari semua pusat pengundian.

(4) Mengesahkan jumlah undi bersama Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus.

(5) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah melantik pelajar Universiti sebagai Pegawai Pusat Pengundian untuk membantu dalam proses PRK.

## **Kebenaran masuk ke pusat pengundian, *dsb.***

**30.** (1) Tiada sesiapa boleh berada di Pusat Pengundian melainkan dengan kebenaran Ketua Pusat Pengundian.

(2) Bilangan pengundi yang dibenarkan masuk ke Pusat Pengundian pada satu-satu masa akan ditentukan oleh Ketua Pusat Pengundian.

(3) Semua calon, pencadang calon dan penyokong

pendaftaran calon hendaklah mematuhi semua prosedur yang dibuat dan arahan yang diberikan oleh Ketua Pusat Pengundian yang berkenaan.

(4) Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan ketenteraman di Pusat Pengundian.

(5) Jika mana-mana orang menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau sebagainya yang pada pandangan Ketua Pusat Pengundian boleh mengganggu kelancaran proses pengundian, Ketua Pusat Pengundian atau mana-mana Pegawai Pusat Pengundian boleh mengarahkan orang itu meninggalkan Pusat Pengundian dengan serta merta.

(6) Kuasa yang diberi di bawah subperaturan (5) tidak boleh dilaksanakan sehingga boleh menafikan hak seseorang pelajar berdaftar untuk mengundi.

### **Larangan pada hari pengundian, *dsb.***

**31.** (1) Tiada calon, pencadang calon, penyokong pendaftaran calon atau pengundi boleh dibenarkan untuk—

(a) menjalankan sebarang bentuk kempen sama ada bercetak atau lisan pada hari pengundian di dalam Kampus;

(b) menunjukkan identiti yang melambangkan identiti

sesebuah kumpulan;

- (c) berkelakuan tidak sopan di kawasan Pusat Pengundian;
- (d) mengganggu kelancaran proses pengundian dengan apa jua cara termasuklah—
  - (i) berusaha meraih atau merayu undi;
  - (ii) mengedar senarai nama calon kepada pengundi;
  - (iii) membuat bising atau sebarang gangguan di sekitar Pusat Pengundian; atau
  - (iv) mengganggu atau menghalang Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus atau Pegawai Pusat Pengundian daripada menjalankan tugas.
- (e) mengundi lebih daripada sekali; atau
- (f) membawa apa-apa dokumen atau barang terlarang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus ke dalam Pusat Pengundian kecuali dokumen atau barang yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(2) Calon, pencadang calon, penyokong pencadang calon atau mana-mana pengundi bolehlah membuat aduan mengenai perkara di

bawah peraturan ini kepada Ketua Pusat Pengundian.

(3) Ketua Pusat Pengundian hendaklah memutuskan berhubung dengan aduan yang diterima di bawah subperaturan (2).

(4) Mana-mana calon, pencadang calon, penyokong pencadang calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pusat Pengundian di bawah subperaturan (3) boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

### **Pengundian dan penjumlahan undi secara kertas undi**

**32.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menyediakan peti undi dan kertas undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.

(2) Sebelum pengundian dimulakan, ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mengesahkan di dalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon bahawa setiap peti undi yang akan digunakan semasa pengundian adalah kosong.

(3) Sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon hadir semasa pengesahan dibawah subperaturan (2), Ketua Pusat Pengundian boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.

(4) Seseorang pengundi akan diberikan kertas undi calon Kawasan Fakulti dan Umum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus di mana pengundi dikehendaki mengundi mengikut cara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(5) Kertas undi adalah sulit dan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikeluarkan pada hari pengundian sahaja.

(6) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.

(7) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap keputusan penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Pengundian atau mana-mana Pegawai Pusat Pengundian.

(8) Bantahan di bawah subperaturan (7) boleh dibuat—

(a) selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau

(b) selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

### **Pengundian dan penjumlahan undi secara e-undi**

**33.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan secara e-undi.

(2) Pengundian secara e-undi hendaklah dibuat dengan menggunakan komputer undi.

(3) Seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara

yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(4) Aplikasi sistem e-undi adalah sulit dan hendaklah dikendalikan secara terkawal dan digunakan pada hari pengundian.

(5) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menentukan tempat dan proses penjumlahan undi.

(6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Pengundian atau wakilnya.

(7) Bantahan di bawah subperaturan (6) boleh dibuat—

(a) selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau

(b) selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(8) Selepas tamat tempoh pengundian, Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan segala peralatan, perkakasan, perisian atau dokumen berkaitan pengundian disimpan di tempat yang selamat.

### **Pengundian dan penjumlahan undi secara *mobile* undi**

**34.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus boleh menentukan pengundian dan penjumlahan undi dilaksanakan secara *mobile* undi.

(2) Pengundian secara *mobile* undi hendaklah dibuat dengan menggunakan aplikasi yang dihantar kepada pengundi.

(3) Seseorang pengundi hendaklah mengundi mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(4) Aplikasi sistem *mobile* undi adalah sulit dan hendaklah dikendalikan secara terkawal dan digunakan pada hari pengundian.

(5) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menentukan siapa yang menggunakan *mobile*-undi dan proses penjumlahan undi.

(6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadang calon boleh mengemukakan bantahan secara bertulis terhadap penjumlahan undi kepada Ketua Pusat Pengundian atau wakilnya.

(7) Bantahan di bawah subperaturan (6) boleh dibuat—

(a) selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi; atau

(b) selepas keputusan penjumlahan undi dipamerkan, tertakluk kepada apa-apa bayaran yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(8) Selepas tamat tempoh pengundian, Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan segala peralatan, perkakasan, perisian atau dokumen berkaitan pengundian disimpan di tempat yang selamat.

### **Komputer pelayan dan komputer undi**

**35.** (1) Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah menyediakan komputer pelayan dan komputer undi yang mencukupi bagi setiap Pusat Pengundian.

(2) Sebelum pengundian dimulakan, ahli Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mengesahkan di dalam kehadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon bahawa—

- (a) setiap komputer pelayan yang akan digunakan semasa pengundian tidak mempunyai apa-apa data berkenaan pengundian; dan
- (b) setiap komputer undi yang disediakan tidak mengandungi apa-apa aplikasi lain kecuali sistem e-kertas undi dan sistem itu belum digunakan untuk tujuan pengundian.
- (c) Setiap nama pengundi yang menggunakan *mobile*-undi disahkan oleh Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus.

(3) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah memperakukan kesahihan komputer pelayan dan komputer undi setelah berpuas hati dengan kesahihan komputer pelayan dan komputer undi yang disediakan di Pusat Pengundian.

(4) Sekiranya tiada calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon hadir semasa pengesahan di bawah subperaturan (2), Ketua Pusat Pengundian boleh meneruskan proses pengundian tersebut sehingga tamat.

(5) Ahli Jawatankuasa yang mengendalikan sistem e-undi hendaklah-

(a) Mengeluarkan statistik pelajar turun mengundi; dan

(b) Membuat salinan data yang ada di dalam komputer pelayan ke dalam tiga (3) pemacu data yang kosong.

(6) Ketua Pusat Pengundian hendaklah mematikan komputer pelayan dan komputer undi selepas tamat tempoh pengundian, sama ada calon, penyokong calon atau penyokong pencadangan calon hadir atau tidak hadir.

## BAHAGIAN VIII PENJUMLAHAN UNDI

### **Pusat Penjumlahan Undi**

**36.** (1) Penjumlahan undi hendaklah dijalankan di tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(2) Tiada mana-mana orang dibenarkan berada di pusat penjumlahan undi kecuali setelah mendapat kebenaran Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(3) Walau apa pun subperaturan (3), orang yang berikut adalah dibenarkan berada di dalam pusat penjumlahan undi:

(a) Ketua Pusat Penjumlahan Undi;

- (b) Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah peraturan 4;
- (c) calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon.

(4) Ketua Pusat Pengundian hendaklah memastikan peti undi atau komputer pelayan, dihantar ke tempat pusat penjumlahan undi dalam keadaan selamat.

### **Pengumuman keputusan penjumlahan undi**

**37.** (1) Apabila penjumlahan atau pengiraan semula undi telah selesai, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengumumkan keputusan penjumlahan undi.

(2) Sekiranya—

- (a) bilangan undi di antara calon bagi sesuatu kawasan Pilihan Raya Kampus adalah sama banyak, pengiraan semula undi hendaklah dilakukan; atau
- (b) terdapat perbezaan sebanyak sepuluh atau kurang dalam bilangan undi yang diperolehi oleh calon yang berjaya tetapi mendapat bilangan undi yang terendah dalam kalangan calon yang berjaya, dan calon yang tidak berjaya yang mendapat bilangan undi yang tertinggi dalam kalangan calon yang tidak berjaya,

Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah, atas permintaan calon yang tidak berjaya itu, mengarahkan pengiraan semula undi.

(3) Sekiranya keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (a) adalah sama banyak, Pengerusi JPRK hendaklah menentukan apa-apa kaedah munasabah bagi tujuan ini.

(3) Sekiranya—

(a) keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (a) adalah berbeza dan perbezaan itu adalah sepuluh undi atau kurang; atau

(b) keputusan pengiraan semula undi di bawah perenggan (2) (b) berbeza dan perbezaan itu adalah sepuluh undi atau kurang, maka atas permintaan calon yang mendapat undi terbanyak semasa penjumlahan undi asal, pengiraan semula undi hendaklah dilakukan.

(5) Keputusan pengiraan semula undi yang dibuat di bawah subperaturan (4) adalah muktamad.

(6) Ketua Pusat Penjumlahan Undi boleh menangguhkan pengiraan semula di bawah subperaturan (2) dan (4) dengan syarat apa-apa penangguhan pengiraan semula yang dibuat itu hendaklah tidak menjejaskan keseluruhan proses PRK.

(7) Pengiraan semula undi di bawah peraturan ini hendaklah

terpakai kepada pengundian dan penjumlahan undi secara kertas undi sahaja.

(8) Sekiranya penjumlahan undi dilakukan secara e-undi dan jumlah undi yang diperolehi oleh calon yang bertanding adalah sama banyak, subperaturan (3) hendaklah terpakai.

### **Bantahan dan rayuan keputusan pemilihan**

**38.** (1) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan penjumlahan undi calon di bawah Peraturan 37 boleh membuat bantahan secara bertulis dengan menyatakan alasannya kepada Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus dalam tempoh masa sebagaimana yang ditetapkan dalam notis PRK di bawah Peraturan 11.

(2) Setiap bantahan hendaklah dikenakan bayaran pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus dan hendaklah dibayar kepada Bursar atau wakil Universiti yang diberi kuasa oleh Bursar Universiti.

(3) Bantahan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

(4) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus hendaklah,

dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas tamat masa bantahan, membuat keputusan mengenai bantahan itu dan hendaklah memaklumkan kepada pembantah dan orang yang dibantah, mengenai keputusan dan alasan keputusannya.

(5) Jika sesuatu bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus, kemenangan seseorang calon yang dibantah hendaklah disifatkan sebagai telah terbatal.

(6) Mana-mana calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon atau pengundi yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus yang dibuat di bawah subperaturan (4) boleh membuat rayuan terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus.

(7) Setiap rayuan dikenakan bayaran mengikut jumlah sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus yang hendaklah dibayar kepada Bursar Universiti atau wakilnya.

(8) Rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (6) hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus bersama resit bayaran dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

(9) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus hendaklah, dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas tamat masa rayuan, membuat keputusan mengenai rayuan itu dan hendaklah memaklumkan kepada perayu mengenai keputusan dan alasan keputusannya.

(10) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus

adalah muktamad.

## BAHAGIAN IX

### **PENGISYTIHARAN AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN PEMEGANG JAWATAN**

#### **Pengisytiharan**

**39.** (1) Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus atau mana-mana pelajar Universiti yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus hendaklah mengisytiharkan calon yang berjaya di dalam PRK.

(2) Pengisytiharan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan dipamerkan di papan notis rasmi Universiti atau di tempat lain di Universiti yang mudah dilihat atau secara atas talian dengan seberapa segera yang boleh selepas keputusan terhadap bantahan atau rayuan dibuat di bawah peraturan 38.

#### **Pemegang jawatan Majlis Perwakilan Pelajar**

**40.** (1) Calon yang berjaya di dalam PRK adalah membentuk MPP dan hendaklah memilih sesama mereka—

- (a) seorang Yang Dipertua;
- (b) seorang Naib Yang Dipertua;

- (c) seorang Setiausaha;
- (d) seorang Bendahari; dan
- (e) pemegang bagi jawatan lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

(2) Naib Canselor boleh menetapkan apa-apa gelaran bagi pemegang jawatan MPP yang disebut dalam subperaturan (1).

(4) *Perlanjutan Tempoh MPP dan Caretaker:*

- (a) Naib Canselor boleh menggunakan kuasa budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh perantikan MPP sedia ada untuk menjalankan tugas sementara (*Caretaker*) sehingga MPP baru dilantik.
- (b) Naib Canselor boleh mengikut budi bicaranya melantik mana-mana pelajar untuk menjalankan tugas sementara (*Caretaker*) sehingga MPP baru dilantik

## BAHAGIAN X

### AM

#### **Keesahan perbuatan di dalam ketidakhadiran calon, dsb.**

**41.** Tiada sesuatu perbuatan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dipersoalkan atas alasan

bahawa perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat semasa ketidakhadiran calon, pencadang calon atau penyokong pencadangan calon jika perbuatan atau keputusan itu telah dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

### **Pindaan peraturan**

42. Lembaga Pengarah Universiti boleh meminda mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

### **Pengawasan keselamatan**

43. Pemantauan dan pengawasan keselamatan perjalanan keseluruhan PRK hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal keselamatan Universiti.

### **Tindakan Tatatertib**

44. Mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

### **Keesahan perbuatan dan prosiding**

45. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Peraturan ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan MPP.

### **Pembatalan**

**46.** Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Sabah (Pilihan Raya Kampus) 2019 dibatalkan.

Dibuat pada

2024

*Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Malaysia Sabah*